

31/10/2003

Pengawal peribadi terkam dari belakang

By Kadir Dikoh

LAZIMNYA kawan sebaya akan mengena kawan rapat dengan usikan yang bukan-bukan. Tetapi pernahkah anda mendengar kisah Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diterkam daripada belakang, gara-gara tersilap orang?

Peristiwa ini pernah dialami salah seorang pengawal peribadi Perdana Menteri, Sarjan Adnan Abdul Hamid, 45, ketika bersama-sama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam penerbangan dari Jordan ke Kuala Lumpur.

Ketika itu, Dr Mahathir yang duduk di kerusi hadapan sedang berjalan menuju ke tandas apabila Adnan tiba-tiba menerkamnya dari belakang, menyebabkan Perdana Menteri terkejut manakala pengawal peribadi yang lain terpinga-pinga melihat kejadian itu.

"Mati-mati saya ingat itu adalah rakan kami, Jamaluddin Abdul Aziz. Waktu itu saya pakai alat penutup mata untuk tidur dalam pesawat, menyerupai Zorro. Saya memang suka bergurau dengan Jamal," cerita Adnan.

Jamaluddin atau lebih dikenali dengan panggilan Jamal saja adalah pembantu perubatan kepada doktor peribadi Perdana Menteri, Datuk Dr Zainal Abidin Abdul Hamid.

Seterusnya, Adnan berkata: "Pada mulanya saya yang duduk di bahagian belakang terlihat Jamal bangun dari tempat duduknya dan dalam hati saya berkata, inilah peluang saya untuk mengenakan Jamal. Kemudian saya berpura-pura tidur, menanti bayang Jamal mendekati tempat duduk saya sebelum bertindak.

"Beberapa ketika kemudian apabila saya ternampak bayang orang berbaju putih sedang lalu di tempat duduk saya, tanpa berfikir dua kali saya terus menerkam "Jamal" dari belakang, sambil tangan kanan saya menumbuk-nyumbuk secara lembut tetapi bertalu-talu pada bahagian paha kanannya. Peristiwa ini berlaku beberapa saat.

"Seorang lagi pengawal Perdana Menteri (Sarjan Mejar Ismail Manaf) menegur saya dan meneriak dengan perlahan "eh, itu Datuk" (Dr Mahathir). Alangkah terkejut saya apabila Perdana Menteri menoleh sambil terdengar suaranya berbunyi: "Apa ni, apa ni".

"Dr Mahathir terus menuju ke tandas. Saya rasa menyesal yang amat sangat tetapi pada masa yang sama, nak tergelak," kata Adnan.

Rupa-rupanya Jamal yang juga memakai baju putih duduk semula selepas bangun sebelum itu. Sebaliknya Dr Mahathir yang bangun untuk ke tandas. Kedua-duanya duduk di barisan pertama dan kedua, manakala Adnan duduk di bahagian belakang.

Ismail, 57, pula berkata, beliau meneriak secara perlahan kepada Adnan bahawa orang yang diterkam itu adalah Dr Mahathir "tetapi saya lihat PM macam gelak saja, nak marah tak boleh".

Ketika Dr Mahathir masih berada dalam tandas penerbangan, Ismail menyuruh Adnan supaya meminta maaf kepada Perdana Menteri sebaik beliau keluar dari tandas. Adnan berbuat demikian tetapi disampuk oleh Dr Mahathir dengan kata-kata berbunyi: "Saya ingat Zorro tadi".

Ketika itu juga Perdana Menteri sendiri tidak panik, mungkin menyedari orang yang berbuat demikian adalah pengawalnya sendiri apatah lagi tiada orang lain dalam penerbangan milik Petronas yang disewa khas oleh kerajaan itu kecuali orang yang beliau kenali.

"Tetapi sebaik keluar dari tandas, muka Perdana Menteri kelihatan merah padam dan saya agak beliau pun mungkin tergelak seorang dalam tandas mengenangkan peristiwa itu kerana Dr Mahathir agak lama juga dalam tandas

ketika itu," kata Adnan yang memang dikenali suka melawak.

Peristiwa itu berlaku pada Februari 1999 ketika Perdana Menteri dalam perjalanan pulang selepas menghadiri Sidang Kemuncak ke-9 Kumpulan 15 Negara Membangun (G15) di Jamaica dan singgah di Paris dan Amman sebelum balik ke Malaysia.

Adnan, adalah antara pengawal peribadi Perdana Menteri yang "senior" dan sudah bertugas dengan Dr Mahathir sejak 24 tahun lalu. Adnan bersama seorang lagi pengawal peribadi Dr Mahathir, Sarjan Mejar Roslan Othman, mula bertugas sebagai "guard staff" di kediaman rasmi Timbalan Perdana Menteri di Nombor 3, Jalan Tuanku di ibu negara iaitu ketika Dr Mahathir masih memegang jawatan nombor dua dalam kerajaan.

Sebenarnya, Adnan juga bertindak sebagai "tukang urut" kepada Dr Mahathir terutama mengurut bahagian kaki apabila Perdana Menteri berasa keletihan setelah penat berjalan menghadiri sesuatu acara, termasuk dalam kapal terbang.

Penulis sendiri pernah terdengar Dr Mahathir meminta Adnan mengurut kakinya ketika saya bersama seorang juru gambar Berita Harian, Rosli Rahmat berada di pejabat Perdana Menteri di tingkat lima di Putrajaya pada tengah hari 7 Julai lalu.

"Lengohlah kaki, nanti petang tolong urut," kata Dr Mahathir ringkas kepada Adnan setelah kami mengambil gambar beramai-ramai dengan beliau yang turut dihadiri Ketua Pengawal peribadi Perdana Menteri, Datuk Mohamad Ali serta tiga lagi pengawal peribadinya iaitu Roslan, Ismail, Sub Inspektor Fazilah Lazim dan Malek Lebar.

"Awak dengar sendiri tadi, PM suruh nan (Adnan) urut kaki. Kan saya dah kata dia memang tukang urut PM," kata Ismail atau lebih dikenali dengan panggilan Pak Mail kepada penulis sebaik saja kami keluar dari bilik Dr Mahathir.

Pada kira-kira jam 6 petang hari itu, Adnan pergi ke kediaman rasmi Perdana Menteri di Seri Perdana, Putrajaya untuk mengurut kaki Dr Mahathir.

"Dr Mahathir jarang berbual ketika saya mengurut kakinya. Saya sebenarnya bukan pandai sangat mengurut, tetapi mungkin PM rasa selesa apabila saya mengurut kakinya," kata Adnan.

Katanya, kerja mengurut itu bukan menjadi kebiasaan bagi Dr Mahathir dan akan hanya meminta untuk diurut apabila Perdana Menteri merasakan kakinya lenguh.

..TX:

* Saya tidak melihat ucapan Dr Mahathir sebagai anti-Yahudi kerana itu bukan amalan Perdana Menteri sebagai umat Islam.

Perdana Menteri Kuwait, Sheikh Sabah Al-Ahmad Jaber Al-Sabah

* Analisis Dr Mahathir mengenai sejarah Islam amat tepat dan betul.

Presiden Afghanistan, Abdul Hamid Karzai

* Saya tidak nampak sebarang petanda (menghasut negara OIC untuk melancarkan perang) dalam ucapan Dr Mahathir. Kita berbincang mengenai harmoni, dialog dalam ummah dan bukannya kontroversi selain perpaduan serta persahabatan dengan tidak kira agama atau kaum.

Menteri Luar Bangladesh, M Morshed Khan.

* Dr Mahathir berani kemuka idea bernas bagi membangun dan memajukan umat Islam serta menyatakan sesuatu yang benar, terutama membabitkan sikap tidak jujur Israel terhadap rakyat Palestin.

Presiden Yaman, Ali Abdullah Salih.

(END)